

15 AUG 2003

Jamaluddin-Kasino

TIADA AKTIVITI PERJUDIAN ATAU KASINO DI PULAU TIOMAN - JAMALUDDIN

PULAU TIOMAN, 15 Ogos (Bernama) -- Pulau Tioman akan bersih daripada sebarang aktiviti perjudian, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, sekaligus menafikan khabar angin bahawa sebuah kasino akan dibuka di pulau ini.

Beliau berkata pihak pengurusan Berjaya Tioman Beach Resort, satu-satunya resort yang menyediakan permainan mesin slot di Pulau Tioman, telah menyatakan persetujuan menghentikan kegiatan itu.

Katanya keputusan itu adalah inisiatif mereka dalam memenuhi tanggungjawab sosial serta memastikan destinasi pelancongan yang popular itu bebas dari sebarang unsur perjudian.

"Jika semua sudah ditutup, bagaimana pula kasino boleh wujud di sini? Kerajaan memang tidak pernah mengeluarkan lesen untuk membina kasino di sini (Pulau Tioman), cuma mesin slot sahaja di Berjaya.

"Bila sudah ditutup maka tidak ada lagi kegiatan berunsurkan perjudian di sini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pejabat Kastam Pulau Tioman di sini malam tadi.

Beliau mengulas khabar angin yang menyatakan Pulau Tioman akan menjadi pulau kasino kedua selepas Genting Highlands.

Khabar angin kemungkinan wujudnya kasino di Pulau Tioman telah mencetuskan kebimbangan orang ramai yang tidak mahu imej pulau peranginan ini dicemari dengan kegiatan perjudian.

Sehingga kini terdapat 15 buah mesin slot di Berjaya Tioman Beach Resort yang diletakkan di dalam sebuah bilik khas untuk pengunjung, bagaimanapun pihak pengurusan resort berkenaan masih belum memberikan tarikh sebenar penutupan rasmi mesin slot itu.

Mengenai pembinaan lapangan terbang di pulau ini, Jamaluddin berkata ia akan dimulakan tahun ini sebaik sahaja kajian terhadap penilaian kesan alam sekitar (EIA) selesai dijalankan.

"Ia akan dibina di atas laut dan selari dengan kawasan pantai, kita tidak boleh bina ia di atas darat kerana akan merosakkan sebahagian besar alam semulajadi," katanya.

Beliau berkata kawasan yang diperuntukkan untuk lapangan terbang itu cukup untuk mendaratkan beberapa pesawat Boeing 737.

Ditanya mengenai lapangan terbang yang sedia ada, Jamaluddin berkata ia akan ditutup dan diubahsuai menjadi pusat membeli belah selaras dengan taraf pulau ini sebagai pulau bebas cukai.

"Walaupun Pulau Tioman lebih dikenali dengan keindahan lautnya namun sebagai destinasi bebas cukai, pasti akan menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke sini untuk membeli belah, pusat membeli belah itu akan memenuhi permintaan ini," katanya.

Jamaluddin yang juga anggota Parlimen Rompin berkata pembinaan marina baru yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini giat dijalankan di Jeti Kampung Tekek.

Marina itu, yang menelan belanja RM40 juta dijangka siap dibina dalam tempoh dua tahun, katanya.

"Ini satu lagi cara kerajaan untuk membawa lebih ramai pelancong ke Pulau Tioman. Selama ini tidak ada cara untuk kapal-kapal pelancong berlabuh di Pantai Timur. Marina ini akan membolehkan keadaan itu diubah dan kapal-kapal pelancong dari Singapura dan Thailand misalnya akan mempunyai akses ke sini," katanya.

Terdahulu, bercakap mengenai pejabat baru Kastam Diraja Malaysia di

sini, beliau berkata bangunan bernilai RM25 juta itu adalah platform kastam dalam meningkatkan perkhidmatan dan berperanan besar dalam membantu meningkatkan pendapatan negara melalui kutipan cukai.

-- BERNAMA
SOP LIB RON